

KKM kesan tiga virus utama yang menyebabkan penularan HFMD di Malaysia.

HFMD

Kes meningkat 32 kali ganda

Putrajaya: Sebanyak 82,846 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan setakat 4 Jun lalu iaitu peningkatan 32 kali ganda bagi tempoh sama berbanding tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ketika pandemik Covid-19 berlaku tahun lalu, jumlah penyakit HFMD dilaporkan adalah sebanyak 2,485 kes.

Katanya, secara keseluruhannya, peningkatan kes HFMD disumbangkan oleh Selangor iaitu sebanyak 28.13 peratus atau 23,305 kes, diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya (9,540 kes) serta Perak (8,032 kes).

“Selain itu, kes tinggi dicatatkan Kelantan memabitkan 5,782 kes dan Johor (5,234 kes) manakala negeri lain melaporkan kes HFMD di bawah 4,600 kes.

terdapat tiga kes HFMD yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) iaitu bagi kes pertama dan kedua masing-masing dimasukkan ke wad kerana mengalami komplikasi radang otak (*encephalitis*) dan sehingga kini masih di bawah pemantauan rapi di ICU.

“Bagi kes ketiga, pesakit terbabit sudah pun sihat dan dibenarkan pulang ke rumah pada 31 Mei lalu,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, cuti menjaga anak diberikan oleh kerajaan kepada penjawat awam iaitu ibu atau bapa atau penjaga kepada anak yang disahkan HFMD dan memerlukan pengasingan.

“Cuti diberikan ini diperuntukkan di bawah Peke-liling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian S.R.5.4.4 (Kemudahan

“Kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah iaitu sebanyak 74,841 kes (90 peratus), diikuti kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun seramai 6,520 kes (8 peratus) dan selebihnya berumur lebih 12 tahun iaitu seramai 1,485 kes (2 peratus),” katanya, semalam.

Tambah Dr Noor Hisham, berdasarkan surveilan jenis virus (*enterovirus*) penyebab HFMD di negara ini, pihaknya mengesan tiga virus utama yang menyebabkan penularan HFMD dalam komuniti iaitu, *Enterovirus 71* (EV71), *Cocksackie A6* (CA6) dan *Cocksackie A16* (CA16).

Katanya, pada tahun ini

Cuti Kuarantin) yang ditambahbaik serta berkuatkuasa pada 4 Mac 2022.

“Penyakit HFMD adalah salah satu penyakit daripada tujuh penyakit yang diberikan kemudahan berkenaan. Oleh itu, KKM menyeru Ketua Jabatan dalam perkhidmatan awam untuk mengambil berat mengenai kemudahan ini,” katanya.

“
Kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan budak berumur enam tahun ke bawah
Dr Noor Hisham

